

**The Edge dapat kebenaran cabar penggantungan
The Malaysian Insider
August 5, 2015**

Penerbit akhbar mingguan The Edge dan harian The Edge Financial Daily hari ini memperoleh kebenaran mencabar keputusan Kementerian Dalam Negeri (KDN) berhubung penggantungan kedua-dua akhbar itu selama 3 bulan.

Bagaimanapun, Hakim Mahkamah Tinggi Datuk Asmabi Mohamad menolak permohonan penerbit untuk memberikan penangguhan interim terhadap penggantungan itu.

Pada 27 Julai, penerbit memfailkan permohonan kebenaran itu dan mendapatkan perintah interim untuk ia didengar dengan segera.

KDN pada 24 Julai lalu menggantung permit penerbitan kedua-dua akhbar selama 3 bulan bermula 27 Julai.

Surat daripada kementerian itu menyatakan liputan mereka mengenai skandal 1Malaysia Development Berhad (1MDB) "memudaratkan atau mungkin memudaratkan ketenteraman awam, keselamatan atau mungkin menggemparkan fikiran orang ramai atau mungkin memudaratkan kepentingan awam atau negara".

Asmabi membacakan keputusannya dalam kamar selepas mendengar hujah peguam yang mewakili penerbit itu, Kementerian Dalam Negeri dan kerajaan.

Peguam Kanan Persekutuan Alice Loke memberitahu pemberita, 12 Ogos ditetapkan untuk mahkamah mendengar permohonan penerbit bagi menangguhkan penggantungan, sementara menunggu semakan kehakiman .

"Penangguhan interim tidak dibenarkan kerana penggantungan itu dibuat atas alasan penerbitan itu memudaratkan ketenteraman awam, keselamatan negara dan kepentingan awam," katanya.

The Edge diwakili peguam Daryl Goon, Raja Eileen Soraya Raja Aiman dan Joni Jacqueline Benedict.

Ini kali pertama penerbit terbabit memohon tindakan undang-undang susulan arahan penggantungan yang dikeluarkan berhubung liputannya mengenai firma pelaburan negara yang dibebani hutang itu.

Ketua Setiausaha Kementerian Dalam Negeri Datuk Alwi Ibrahim dalam satu kenyataan pada 24 Julai berkata penggantungan penerbitan itu dibuat selepas kementerian meneliti laporan mereka mengenai 1MDB dan jawapan kepada surat tunjuk sebab yang dikeluarkan sebelum ini.

Kementerian memberikan tiga sebab untuk penggantungan penerbitan itu yang dikatakannya melanggar Seksyen 7 (1) Akta Mesin Cetak dan Penerbitan (PPPA)

1984.

Katanya, tajuk dan laporan dua penerbitan itu menimbulkan persoalan dan persepsi negatif rakyat terhadap 1MDB dan Kementerian Kewangan serta memberi kesan kepada kerajaan dan pemimpin negara.

Kedua, kementerian mendapati laporan tersebut berdasarkan maklumat diragui dan tidak disahkan, yang mungkin membangkitkan kegemparan umum dan menjejaskan ketenteraman awam dan kepentingan negara.

Ketiga, kementerian itu berkata, isu 1MDB sedang disiasat sebuah pasukan petugas khas dan oleh itu liputan mengenainya tidak sesuai kerana boleh mewujudkan persepsi negatif. – 5 Ogos, 2015.

Copyright © 2015 Edge Insider Sdn Bhd

Source:

<http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/the-edge-dapat-kebenaran-ca-bar-penggantungan>